

Penuntut UMP terima 400 bungkus kuih raya

Berita Harian (Nasional) 15/5/21 (Sabtu) m/s: 19.

Pekan: Pejabat Ahli Parlimen Pekan mengagihkan 400 bungkus kuih raya kepada penuntut **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** kampus Pekan yang tidak berpeluang pulang ke kampung pada Aidilfitri.

Pegawai Khas Ahli Parlimen Pekan, Datuk Nor Azita Abdul Rahman, berkata pihaknya turut memberi ketupat segera bersama kuah kacang dan susu segar.

Katanya, juadah itu diharapkan mengubat kerinduan pelajar yang tidak berpeluang menyambut Aidilfitri bersama keluarga di kampung halaman.

“Juadah raya yang diberi sedikit sebanyak dapat mengurangkan tekanan dalam kalangan penuntut yang terpaksa menyambut Aidilfitri jauh da-

ripada keluarga, berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan difahamkan kebanyakan mereka kali pertama beraya di asrama.

“Kita simpati dengan penuntut terbabit dan keputusan menyediakan juadah raya mendapat persetujuan Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Najib Razak,” katanya selepas menyerahkan sumbangan juadah raya kepada Timbalan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kampus Pekan, Amir Zuhaili Abdul Karim, di sini, kelmarin.

Sementara itu, Amir Zuhaili berkata, pihaknya terharu dengan ingatan Ahli Parlimen Pekan menyediakan juadah raya untuk pelajar yang tidak dapat beraya ke kampung.



Nor Azita (dua dari kanan) menyerahkan juadah raya kepada Amir Zuhaili (dua dari kiri) di Pekan, kelmarin. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)